



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	29/11/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

JPNP sita kilang arang

Arang kiub untuk pasaran Australia dan Timur Tengah beroperasi tanpa lesen

NIK AMIRUL MUMIN

KUANTAN

Sebuah kilang membuat arang jenis kiub bertaraf antarabangsa diserbu penguatkuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) kerana beroperasi tanpa lesen di sini petang kelmarin.

Hasil serbuan Operasi Bersepadu Ops Kilang ke atas premis di Lebu Raya Tun Razak dekat Kampung Pulau Manis itu, seorang lelaki berusia 40-an dipercayai pengurus kilang turut ditahan.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad berkata, kilang



FOTO: IHSAN JPNP

Pegawai penguatkuasa JPNP memeriksa dapur arang kiub di kilang berkenaan pada Operasi Bersepadu Ops Kilang di Lebu Raya Tun Razak dekat Kampung Pulau Manis, Pahang kelmarin.

berkenaan beroperasi tanpa lesen sejak beberapa tahun lalu.

Menurutnya, kilang terbabit menghasilkan produk arang untuk pasaran luar negara seperti Australia dan Timur Tengah.

"Ketika diperiksa, kilang itu mempunyai 190 tanur atau dapur arang aktif untuk membakar arang jenis kiub berkualiti tinggi.

"Kesemua alat berkenaan tiada lesen atau permit yang dikeluarkan Bahagian Kilang Jabatan Perhutanan Negeri Pahang," katanya kepada pemberita selepas operasi di premis tersebut di Lebu Raya Tun Razak di sini kelmarin.

Nor Azirim berkata, pengurus kilang memberi pelbagai alas-

an bagi mengelak pemeriksaan dilakukan malah turut mencabar pegawai JPNP yang bertugas supaya mengambil tindakan sekiranya kilang miliknya itu melanggar undang-undang.

Beliau berkata, pihaknya tidak gentar dengan sebarang ugutan sebaliknya mereka yang bersalah tetap dihukum.

"Tindakan tetap diambil mengikut Akta Perhutanan Negara (APN) 1984, Seksyen 3(1) Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1985 yang memperuntukkan hukuman denda hingga RM50,000 atau penjara selama tidak lebih lima tahun.

"Pada operasi itu, kilang berkenaan disita sementara menunggu kertas pertuduhan disiapkan pegawai penyiasat," katanya.

Beliau berkata, pada operasi sama, lima pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Indonesia yang bekerja di kilang berkenaan ditahan Jabatan Imigresen yang turut menyertai operasi tersebut.